

## TAR UC pilihan lepasan SPM, STPM

Syarat kemasukan minimum peluang pelajar capai cita-cita

**Membuat** pilihan program pengajian tinggi adalah keputusan penting untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana ia akan menentukan bidang kerjaya untuk masa depan.

Sebagai institusi pangajian tinggi di Malaysia lebih daripada 50 tahun, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) menyediakan laluan akademik yang lancar untuk membimbing dan memimpin pelajar lepasan SPM bagi mencapai potensi serta cita-cita mereka.

Pelajar lepasan SPM/O Level yang memenuhi syarat kemasukan minimum mempunyai beberapa pilihan untuk melanjutkan pelajaran mereka di TAR UC.

Antara pilihan adalah melalui program prauniversiti sama ada program asasi ataupun A Level.

Program asasi selama setahun direka untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas pelajar sebelum meneruskan program ijazah

sarjana muda. Antara program asasi ditawarkan adalah aliran sastera, sains, kejuruteraan, perakaunan, perniagaan dan pengkomputeran.

Program A Level pula, adalah selama setahun lima bulan, iaitu disediakan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke ijazah sarjana muda pilihan mereka di TAR UC atau universiti luar negara.

Selepas menamatkan program pra-universiti, pelajar memenuhi syarat kemasukan minimum layak memasuki tahun pertama ijazah sarjana muda di TAR UC.

Di samping itu, pelajar lepasan SPM/O Level yang mengetahui bidang pengajian diminati, boleh melanjutkan pelajaran peringkat diploma di TAR UC.

Program diploma TAR UC, mengasah dan mengukuhkan kemahiran asas supaya pelajar mencapai keputusan cemerlang apabila menyambung pengajian ijazah sarjana muda.

Terdapat 50 program diploma di

TAR UC dengan tempoh pengajian berbeza antara dua tahun dan dua tahun lima bulan.

Selepas menamatkan program diploma, pelajar berkelayakan memasuki tahun dua program ijazah sarjana muda, manakala lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/UEC yang memenuhi syarat kemasukan minimum boleh memasuki tahun satu ijazah sarjana muda TAR UC pilihan mereka.

TAR UC turut menawarkan program dwiijazah dengan Coventry University (CU) di United Kingdom untuk beberapa program ijazah sarjana muda.

Program dwi-ijazah ini membolehkan pelajar mendapat dua ijazah, satu dari TAR UC dan satu lagi daripada CU, sekali gus berpeluang menghayati proses pembelajaran di arena global dan meningkatkan prospek pekerjaan pada peringkat tempatan serta luar negara.

Program diploma dan ijazah sar-



**Kampus TAR UC** dikelilingi dengan landskap semula jadi dan dilengkapi kemudahan komprehensif menawarkan pengalaman pembelajaran unggul.

jana muda TAR UC ditawarkan oleh tujuh fakulti, iaitu Fakulti Sains Gunung, Fakulti Pengkomputeran dan Teknologi Maklumat, Fakulti Perakaunan, Kewangan dan Perniagaan, Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi, Fakulti Alam Bina, Fakulti Komunikasi dan Industri Kreatif dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Kedua-dua peringkat pengajian ini melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan diperlukan dalam industri dan kebanyakan program ini diakreditasi oleh badan profesional berwibawa seperti Asso-

ciation of Chartered Certified Accountants, Chartered Institute of Management Accountant, The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators dan sebagainya.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai laluan akademik TAR UC, sila lawati Hari Terbuka TAR UC di kampus induk Kuala Lumpur dan mana-mana kampus cawangan di Pulau Pinang, Perak, Johor, Pahang dan Sabah dari 5 hingga 29 Mac 2020.

Anda juga boleh melawat ruang pameran TAR UC di pameran pendidikan utama atau anda boleh melayari laman web [www.tarc.edu.my](http://www.tarc.edu.my).

